

Gagal seludup ikan hiasan

Sinar Harian 28/6/2019 m/319

1,465 ikan hiasan dibawa masuk dari negara jiran dirampas

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan berjaya mematahkan cubaan menyeludup 1,465 ikan hiasan pelbagai jenis dari negara jiran kelmarin.

Pengarah Maqis negeri, Mohd Azam Yahya berkata, kesemua spesis ikan itu dibawa masuk dari negara jiran menggunakan pangkalan haram Lubok Gong.

Menurutnya, antara spesis



Mohd Azam menunjukkan sebahagian daripada ikan hiasan yang dirampas.

yang berjaya dirampas ialah ikan laga, flower horn dan nemo dan kesemua rampasan ini dianggaran bernilai RM93,100.

"Kegiatan penyeludupan ini kebiasaannya dilakukan pada waktu Maghrib dan ikan tersebut

akan diletakkan di dalam plastik yang berisi oksigen.

"Perbuatan mengimpor ikan hiasan tanpa permit yang sah dari Maqis merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Per-

meriksaan Malaysia 2011.

"Spesis flower horn juga termasuk dalam senarai ikan yang dilarang import sebagaimana termaktub dalam Akta Perikanan 1985," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Maqis Wilayah Timur di Rantau Panjang semalam.

Mohd Azam berkata, kebanyakkan ikan hiasan ini dibawa masuk untuk tujuan pembakaan dan dengan kemasukan ini haram ia akan membawa bersama penyakit bawaan air.

"Ia berlaku apabila pemilik ikan hiasan melepaskan hidupan tersebut ke dalam sungai, parit atau saliran di mana ia akan memberi risiko penyakit tersebut akan merebak," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Azam berkata, Maqis berjaya mematahkan cubaan menyeludup haiwan dan tumbuhan

info

Maqis berjaya patahkan penyeludupan haiwan dan tumbuhan berjumlah RM1.13j dari Januari hingga Mei ini

berjumlah RM1.13 juta sepanjang Januari hingga Mei tahun ini.

Menurutnya, kejayaan itu adalah hasil kerjasama erat antara agensi kawalan sempadan dan pihak berkuasa Thailand.

"Sepanjang tempoh itu, lembu menjadi penyumbang hasil tangkapan tertinggi diikuti tumbuhan dan lain-lain.

"Kita jangkakan aktiviti menyeludup lembu akan bertambah menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha nanti.

"Bagaimanapun pihak kami serta agensi penguatkuasaan sempadan akan terus membanteras kegiatan tersebut," katanya.